

Ucapan Dr Azhar Ibrahim untuk Majlis Pelantikan Sahabat Sastera 2024**9 Jun 2024**

Terima kasih kepada para hadirin yang sudi bersama dalam Majlis Pelantikan Sahabat Sastera hari ini yang diadakan setiap dua tahun sekali. Juga hadir hari ini bersama kita, para sasterawan kita, sahabat-sahabat kita daripada National Arts Council, Singapore Book Council, dan juga daripada media. Yang penting ialah Sahabat-Sahabat Sastera kita. Inilah anak-anak muda yang telah merelakan diri untuk berbakti dan menyumbang idea fikiran dan kerja bakti mereka. Saya juga dapat melihat ahli-ahli keluarga Sahabat-Sahabat Sastera kita yang ada di belakang, yang telah menemani mereka di sini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda kerana sudi hadir pada hari ini.

Inisiatif Sastera Sastera ini bukanlah untuk kita membangunkan penulis kerana sebenarnya penulis tidak memerlukan persatuan. Seorang penulis itu dibentuk atas bakat, kesedaran dan anugerah mereka sendiri. Sasterawan itu diberikan banyak anugerah khas daripada pencipta. Sahabat Sastera ini ialah mereka yang akan menekuni hal-hal sekitar kesusasteraan. Namun begitu, ada dalam kalangan Sahabat Sastera yang telah dilantik, seperti saudara Muhammad Khairool Haque yang merupakan seorang Sahabat Sastera dan juga penulis muda. Seorang lagi, iaitu Ubaidillah, yang tidak hadir hari ini. Untuk makluman, novelnya dalam bahasa Inggeris baru sahaja dicetak di Kuala Lumpur. Seorang lagi Sahabat Sastera, Hikmah juga menulis puisi-puisi. Mentor-mentor mereka adalah orang-orang yang juga terlibat dalam dunia sastera seperti Aisyah, Herman dan Anis.

Selain itu, saya sendiri yang mementor mereka dalam segi pengertian memberi mereka arah menulis wacana, ataupun memikirkan kertas kerja, dan sebagainya. Begitulah riwayatnya seorang Sahabat Sastera. Pandang ke depan, dalam perancangan ini ialah supaya adik-adik kita nanti boleh menulis berkenaan dengan para tokoh sasterawan besar kita. Sama ada contohnya, Harun Aminurrashid iaitu antara tokoh awal sastera Singapura, ataupun mereka yang telah menyandang Anugerah Tun Sri Lanang. Itu harus dibuat kajian. Adik-adik yang mampu membuat kajian harus tahu melahirkan wacana supaya dapat diapresiasi.

Ayah sama-sama kita berikan sokongan kepada Sahabat-Sahabat Sastera kita ini. Dan satu lagi, kita perlukan banyak kerja bakti mereka untuk tahun depan. Kita ada tiga kohort sebenarnya untuk tahun depan untuk Mastera tahun 2025. Mendukung kerja sastera, pelestariannya di Singapura ini ialah kerja relawan kerana kita tidak ada Dewan Bahasa Pustaka seperti negara-negara rantau yang lain. Almaklum dengan keterbatasan itu, kita harus berganding bahu dengan pelbagai orang dan pihak. Itu sahaja buat kali ini, dan bagi pihak Majlis Bahasa, saya mengalu-alukan sokongan tuan-tuan dan puan-puan untuk terus mendukung usaha kami. Terima kasih.